

ADUAN

■ JALAN Kampung tengah di Selama, Perak yang rosak hampir sebelah jalan masih tidak dibaiki walaupun sudah hampir enam bulan, bahaya kepada pelajar yang menggunakan jalan itu kerana sibuk dan banyak lori pasir.

013-460XXXX

■ HARAP pihak imigresen dapat pantau pendatang asing yang tinggal di kawasan Flat Taming Jaya Balakong dan hapuskan PATI di kawasan ini kerana ada daripada kalangan mereka menunggang motosikal tanpa lesen dan tidak menghormati orang.

012-220XXXX

■ MOHON Jabatan Pengairan dan Saliran membersih dan mendalamkan semula tali air di Alor Lintah Jerneh, Besut, Terengganu. Banyak pokok dan kayu mati yang menghalang laluan air di *call-board* yang sedia ada.

014-826XXXX

■ STESEN KTMB Kampar banyak sawang di atas siling, pegawai tender tak pantau kontraktor ke? Buat malu sahaja.

019-696XXXX

■ RAMAI pengemis wanita memangku bayi di Pasar malam Sungai Udang. Sungguh menyedihkan bayi dan kanak-kanak yang mereka riba semua dalam keadaan tidur dan pengsan. Adakah kanak-kanak ini menjadi mangsa sindiket?

017-606XXXX

■ ANGGOTA polis, sila jaga laluan di pekan Rawang. Jalan utamanya sentiasa sesak disebabkan pemandu meletak kenderaan 'sesuka hati'.

012-674XXXX